

EkuiNAS lupus Burger King RM74.6 juta

KUALA LUMPUR 21 Ogos - Ekuiti Nasional Berhad (EkuiNAS), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan memuktamadkan proses penyusunan semula portfolio makanan dan minumannya (F&B) selepas berjaya melupuskan pelaburan dalam Burger King Malaysia dan Singapura (Kumpulan BK/Rancak Selera Sdn. Bhd. (RSB) pada nilai RM74.6 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif EkuiNAS, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, pelupusan portfolio restoran Burger King membolehkan jenama tersebut berada di bawah rakan kongsi jangka panjang yang mempunyai kewangan kukuh dan kepakaran operasi diperlukan untuk terus menyokong pertumbuhan jenama ikonik ini.

“Dengan selesainya pelupusan Kumpulan BK ini, EkuiNAS turut memuktamadkan proses penyusunan semula portfolio

ekuiNAS
EKUITI NASIONAL BERHAD

semula portfolio F&B dengan meninggalkan segmen restoran sajian segera untuk memberi tumpuan dan juga meluaskan segmen restoran makanan dan minuman kasual dengan jenama seperti Tony Roma's, Manhattan Fish Market, New York Steak Shack, Coolblog dan San Francisco Coffee.

“Kesemua jenama F&B yang ber-naung di bawah Integrated Food Group (IFG) ini semakin berkembang maju dengan perolehan ber-

gabung sebanyak RM338 juta dan EBITDA sebanyak RM36.5 juta menerusi lebih 400 cawangan di beberapa rantau,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Penjualan RSB oleh EkuiNAS kepada Newscape Capital Sdn. Bhd. (Newscap) telah dimuktamadkan baru-baru ini berikutan proses jualan yang dilaksanakan bersama BK Asiapac Pte. Ltd. (BKAP), iaitu francaisor utama bagi jenama Burger King di rantau Asia Pasifik.

Newscap telah dipilih berdasarkan tawaran harga yang terbaik dan membuktikan syarikat memiliki sumber kewangan serta keupayaan operasi yang diperlukan untuk membawa Kumpulan BK ke peringkat pertumbuhan seterusnya.



ABDUL RAHMAN